

# Pasaran Bon Asia tingkatka

UM 3 1 OCT 2003  
Laporan MOWARDI MAHMUD, ASUKI ABAS, KAMIL YUSUF, HAMDEN RAMLI dan WAN NAJIB WAN DAUD

KUALA LUMPUR 30 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan penubuhan Inisiatif Pasaran Bon Asia (ABMI) akan membawa kesan positif kepada ekonomi negara-negara Asia Timur kerana ia akan meningkatkan lagi pasaran modal tempatan.

Perdana Menteri berkata, ABMI akan membolehkan simpanan Asia dapat digemblengkan di Asia untuk projek-projek pembangunan sama ada dilaksanakan oleh kerajaan atau pihak swasta.

“Dengan wujudnya saluran alternatif iaitu selain pasaran ekuiti, pasaran bon Asia yang dinamik akan dapat memastikan ekonomi tempatan berdaya tahan dalam menangani risiko sistemik sekiranya berlaku kejutan di masa depan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Datuk Zulhasnan Rafique (BN-Wangsa Maju)** pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Dr. Mahathir memberitahu, ABMI merupakan inisiatif negara-negara anggota ASEAN dengan China, Jepun dan Korea Selatan (ASEAN + 3) bagi memperkukuh sistem kewangan serantau.

Ujar beliau, ia bagi mengelak kesan teruk krisis kewangan disebabkan pengaliran ke luar secara mendadak modal tempatan dan asing dari pasaran-pasaran ekuiti di rantau ini ke pasaran di luar Asia seperti pada tahun 1997 dan 1998.

## Memiliki

Perdana Menteri menegaskan, ABMI merupakan usaha serantau terkini ke arah untuk membantu sendiri kerana timbul kesedaran di kalangan negara-negara anggota bahawa masalah serantau hendaklah diselesaikan oleh negara yang dilanda masalah melalui mekanisme sokongan serantau.

Ujar beliau, Malaysia memiliki pengalaman yang boleh dikongsi bersama bagi memajukan ABMI ini kerana Malaysia memiliki kemudahan asas bagi membangunkan pasaran bon tempatan.

## modal tempatan

“Malaysia memainkan peranan yang penting dalam pewujudan pasaran-pasaran bon Asia.

“Kesungguhan Malaysia dalam memastikan kejayaan ABMI ialah kerana Malaysia berhasrat memperluaskan lagi pasaran modal Islam di rantau ini,” katanya.

Menjawab soalan tambahan **Abdul Rahman Yusof (Keadilan-Kemaman)**, Dr. Mahathir berkata, negara-negara Asia mempunyai rizab yang besar iaitu bernilai bertrilion dolar yang di simpan di negara-negara maju.

“Malangnya negara-negara Asia sebenarnya memberi keuntungan percuma kepada negara-negara maju yang mengenakan faedah sebanyak tiga peratus atas rizab yang disimpan serta mengenakan faedah sebanyak lima peratus sekiranya negara-negara Asia ingin meminjam daripada mereka.

“Sebenarnya, negara-negara Asia menyimpan rizab di negara-negara maju dan apabila Asia memerlukan wang kita pinjam dari negara maju, yang sebenarnya

negara-negara Asia berhutang duit sendiri yang disimpan di negara lain,” katanya.

Beliau menjelaskan, negara maju sebenarnya berhutang dengan negara-negara Asia dan mereka sebenarnya bankrap serta hidup dengan membelanjakan wang negara-negara Asia

## Pinjaman

Perdana Menteri berkata, dengan ABMI negara-negara di rantau ini boleh membawa balik rizab yang disimpan di negara maju, dan memberi pinjaman kepada negara-negara Asia yang memerlukan.

“Adalah tidak benar jika dikatakan bahawa negara-negara Asia ini tidak maju, sebenarnya pertumbuhan ekonomi yang terbesar adalah di Asia Timur.

“Ini adalah kenyataan memandangkan ramai pelabur yang datang melabur di Malaysia serta di negara-negara Asia yang lain,” katanya.